

GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN PERSENDIRIAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA

1. Pengenalan

Kakitangan Kerajaan (tidak terpakai kepada kakitangan Badan Berkanun) yang tamat berkhidmat di luar negara layak mendapat pengecualian 50% duti import dan duti eksais ke atas kenderaan persendirian yang dibawa balik dari luar negara merujuk kepada Butiran 119 Perintah Duti Kastam (Pengecualian)(Pindaan)(No.4) 2023 dan Butiran 43 Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan) 2023.

2. Syarat Kelayakan

- (i) Pemohon mestilah telah berkhidmat **tidak kurang dari dua belas (12) bulan** di luar negara;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport telah didaftarkan atas nama pemohon tempat ia bertugas di luar negara dalam tempoh **tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh bertukar balik ke Malaysia**;
- (iii) Pengecualian 50% duti import dan duti eksais hanya diberi kepada pegawai/kakitangan yang bertukar balik ke Malaysia dan bukannya bertukar ke negara lain;
- (iv) Bagi pemohon yang ditukarkan secara *cross-posting* ke negara lain tetapi tidak boleh membawa masuk kenderaan ke negara tersebut atas sebab-sebab tertentu, dibenarkan memohon pengecualian di atas dengan syarat apabila bertukar balik ke Malaysia kelak tiada pengecualian cukai diberikan;
- (v) permohonan perlu **dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan** daripada tarikh diarah pulang/bertugas; dan
- (vi) Semua **dokumen sokongan perlu disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.

3. Senarai dokumen sokongan yang diperlukan:

- (i) Salinan perlantikan sebagai duta/surat arah bertugas ke luar negara;
- (ii) Salinan surat arahan pertukaran pulang ke Malaysia;
- (iii) Salinan geran kenderaan;
- (iv) Salinan kad pendaftaran kenderaan di luar negara termasuk terjemahan yang diakui sah jika tidak tertulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;
- (v) Salinan Permit Import (AP);
- (vi) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (vii) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);
- (viii) Salinan passport yang lengkap termasuk mengandungi cop Jabatan Imigresen ketika pemohon berangkat ke luar negara dan pulang ke tanah air; dan
- (ix) Surat permohonan daripada Ketua Jabatan yang mengesahkan telah melaporkan diri di penempatan baru.

4. Syarat-Syarat Kelulusan

- (i) Kenderaan hendaklah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atas nama pemohon;
 - (ii) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik tanpa membayar balik duti import dan duti eksais mengikut kiraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa berlakunya penjualan atau pertukaran milik.
5. Permohonan boleh dikemukakan ke email pcktp@customs.gov.my dengan mengisi Borang Permohonan seperti di **Lampiran B** atau boleh menghubungi pegawai seperti berikut untuk pertanyaan:

Nama Pegawai : Ahmad Yuslizan bin Mohamad
No. Tel : 03 – 8882 2556
Email : yuslizan.mohamad@customs.gov.my

Nama Pegawai : Norsyida binti Zulhalmi
No. Tel : 03 – 8882 4856
Email : norsyida.zulhalmi@customs.gov.my

Bahagian Perkastaman, Cawangan Import Eksport dan Kawalan Sempadan
Unit Kawalan Import Eksport 1
4 Januari 2024

LAMPIRAN B

PERMOHONAN PENGECUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN PERSENDIRIAN YANG DIBAWA PULANG OLEH PEGAWAI KERAJAAN YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA

Nama pemohon :

Tempat bertugas di Luar Negara :

Tempat bertugas sekarang :

Tarikh permohonan :

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN
1.	Surat / e-mel permohonan pengecualian duti / cukai			
2.	Salinan kad pengenalan pemohon (muka depan dan belakang)			
3.	Salinan lesen memandu pemohon (muka depan dan belakang)			
4.	Salinan surat arahan pertukaran ke Malaysia 4.1 Telah bertugas melebihi dua belas (12) bulan di Luar Negara: Ya ☐ Tidak ☐			Ditempatkan di pada
5.	Salinan pasport yang lengkap termasuk mengandungi cop Jabatan Imigresen ketika pemohon berangkat ke luar negara dan pulang ke Malaysia			
6.	Tempoh permohonan dikemukakan dari tarikh diarah pulang/bertugas: Kurang Enam (6) Bulan ☐ Lebih Enam (6) Bulan ☐			
7.	Surat pengesahan telah melapor diri di penempatan baharu oleh Ketua Jabatan baharu 7.1 Tempoh permohonan dikemukakan dari tarikh pengesahan telah melapor diri: Kurang Enam (6) Bulan ☐ Lebih Enam (6) Bulan ☐			Ditempatkan di pada
8.	Salinan geran atau kad pendaftaran kenderaan luar negara pemohon atau kedua-dua dokumen tersebut. 8.1 Kenderaan telah didaftarkan atas nama pemohon di luar negara melebihi enam (6) bulan dari tarikh diarah pulang/bertugas ke Malaysia: Ya ☐ Tidak ☐			Tarikh pendaftaran:
9.	Salinan Permit Import Kenderaan (AP JK-69)			
10.	Dokumen telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional			